



**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR  
SEMESTER 2 – SESSION 2018/2019  
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDPW2253  
KOD KURSUS

COURSE NAME : TAXATION  
NAMA KURSUS PERCUKAIAN

YEAR / PROGRAMME : 2 DDPW  
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 HOURS 30 MINUTES / 2 JAM 30 MINIT  
TEMPOH

DATE : APRIL 2019  
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.  
ARAHAN [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan.]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)  
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:	.....
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:	.....
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:	.....
COLLEGE NAME NAMA KOLEJ	:	.....
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:	.....

This examination paper consists of 13 pages including the cover  
Kertas soalan ini mengandungi 13 muka surat termasuk kulit hadapan



**PUSAT PROGRAM KERJASAMA**

**PETIKAN DARIPADA PERATURAN AKADEMIK  
ARAHAN AM - PENYELEWENGAN AKADEMIK**

**1. SALAH LAKU SEMASA PEPERIKSAAN**

1.1 Pelajar tidak boleh melakukan mana-mana salah laku peperiksaan seperti berikut :-

- 1.1.1 memberi dan/atau menerima dan/atau memiliki sebarang maklumat dalam bentuk elektronik, bercetak atau apa jua bentuk lain yang tidak dibenarkan semasa berlangsungnya peperiksaan sama ada di dalam atau di luar Dewan Peperiksaan melainkan dengan kebenaran Ketua Pengawas; atau
- 1.1.2 menggunakan maklumat yang diperolehi seperti di atas bagi tujuan menjawab soalan peperiksaan; atau
- 1.1.3 menipu atau cuba untuk menipu atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu semasa berlangsungnya peperiksaan; atau
- 1.1.4 lain-lain salah laku yang ditetapkan oleh Universiti (seperti membuat bising, mengganggu pelajar lain, mengganggu Pengawas menjalankan tugasnya).

**2. HUKUMAN SALAH LAKU PEPERIKSAAN**

2.1 Sekiranya pelajar didapati telah melakukan pelanggaran mana-mana peraturan peperiksaan ini, setelah diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Fakulti dan disabitkan kesalahannya, Senat boleh mengambil tindakan dari mana-mana satu yang berikut :-

- 2.1.1 memberi markah SIFAR (0) bagi keseluruhan keputusan peperiksaan kursus yang berkenaan (termasuk kerja kursus); atau
  - 2.1.2 memberi markah SIFAR (0) bagi semua kursus yang didaftarkan pada semester tersebut.
- 2.2 Jawatankuasa Akademik Fakulti boleh mencadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999 bergantung kepada tahap kesalahan yang dilakukan oleh pelajar.
- 2.3 Pelajar yang didapati melakukan kesalahan kali kedua akan diambil tindakan seperti di perkara 2.1.2 dan dicadangkan untuk diambil tindakan tatatertib mengikut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti, 1971, Kaedah-kaedah Universiti Teknologi Malaysia (Tatatertib Pelajar-pelajar), 1999.

**QUESTION 1 [SOALAN 1]**

Calvin, an Australian engineer, first arrived in Malaysia on 1.12.2010. He left Malaysia permanently on 31.10.2017. Calvin has the following records of stay [Calvin, seorang jurutera Australia, pertama kali tiba di Malaysia pada 1.12.2010. Beliau meninggalkan Malaysia secara kekal pada 31.10.2017. Calvin mempunyai rekod bermastautin seperti berikut]:

Periods [Tempoh]	Location [Lokasi]	Number of days [Jumlah hari]
1.12.2010 - 31.12.2010	Malaysia	31
1.1.2011 - 31.1.2011	Malaysia	31
1.2.2011 - 31.5.2011	Singapore	120
1.6.2011 - 31.7.2011	Malaysia	61
1.8.2011 - 31.10.2011	Bali	92
1.11.2011 - 31.12.2011	Malaysia	61
1.1.2012 - 31.3.2012	Malaysia	90
1.4.2012 - 14.4.2012	Australia for social visit	14
15.4.2012 - 31.7.2012	In Malaysia	108
1.8.2012 - 30.9.2012	Thailand	61
1.10.2012 - 31.12.2012	Malaysia	92
1.1.2013 - 31.3.2013	Malaysia	91
1.4.2013 - 13.4.2013	Seminar in Taipei	13
14.4.2013 - 31.7.2013	Malaysia	109
1.8.2013 - 31.12.2013	Hong Kong	153
1.1.2014 - 30.04.2014	Hong Kong	120
1.5.2014 - 31.7.2014	Malaysia	92
1.8.2014 - 31.12.2014	Japan	153
1.1.2015 - 31.12.2015	Japan	365
1.1.2016 - 31.1.2016	Japan	31
1.2.2016 - 31.12.2016	Malaysia	334
1.1.2017 - 31.1.2017	Japan	31
1.2.2017 - 31.10.2017	Malaysia	274

**Required [Dikehendaki]:**

- a) Determine Calvin's tax residence status for the YAs 2010 to 2017 [Kenalpasti status cukai pemastautin Calvin untuk TT 2010 ke 2017]. [16M]
- b) List down two (2) examples of temporary absence form part of the 182 consecutive days and short period [Senaraikan dua (2) contoh ketiadaan sementara dari sebahagian daripada 182 hari berturut dan tempoh pendek]. [2M]

[TOTAL [JUMLAH] 18M]

**QUESTION 2 [SOALAN 2]**

Haziq, 45 years old, has been working with Kasturi Berhad since 1 February 2000 as an account executive. Details of his remuneration for 2017 are listed below [*Haziq, 45 tahun, telah bekerja dengan Kasturi Berhad sejak 1 Februari 2000 sebagai seorang pegawai akaun. Perincian berkenaan dengan ganjaran beliau sejak 1 Februari 2000 sebagai seorang eksekutif akaun disenaraikan dibawah*]:

1. His salary was RM8,000 (gross) per month [*Gaji beliau adalah RM8,000 (kasar) sebulan*].
2. Haziq's monthly travelling and entertainment allowances were RM1,500 and RM1,000 respectively. He provided receipts for entertainment of RM15,000 [*Elaun perjalanan dan keraian bulanan Haziq adalah RM1,500 dan RM1,000 masing-masing. Beliau menyerahkan resit untuk keraian bernilai RM15,000*].
3. Kasturi Bhd rewarded him RM10,000 bonus for the year 2017 [*Kasturi Berhad menghadiahkan RM10,000 sebagai bonus untuk tahun 2017*].
4. A fully furnished apartment was provided to Haziq beginning 1 May 2017. The rental paid by the employer was RM2,850 per month (including furniture valued at RM850 per month) [*Sebuah apartmen yang dilengkapi perabot telah disediakan untuk Haziq bermula dari 1 Mei 2017. Sewa yang dibayar oleh majikannya berjumlah RM2,850 sebulan (termasuk perabot yang bernilai RM850 sebulan)*].
5. A new car costing RM155,000 and a driver were provided to him beginning 1 March 2017. the driver was paid RM600 per month by Kasturi Berhad [*Sebuah kereta baru bernilai RM155,000 dan seorang pemandu disediakan untuknya bermula 1 Mac 2017. Pemandu tersebut dibayar RM600 sebulan oleh Kasturi Berhad*].
6. A servant and a gardener were provided to Haziq beginning 1 May 2015 [*Seorang pembantu dan seorang tukang kebun disediakan untuk Haziq bermula 1 Mei 2015*].
7. Haziq and his wife went for a vacation in Taiwan and Sabah in December 2017 where the company paid all expenses. The expenses were: [*Haziq dan isterinya telah bercuti di Taiwan dan Sabah dalam bulan Disember 2017 di mana syarikat menanggung penuh semua perbelanjaan. Perbelanjaan tersebut adalah*]:

Destinations [Destinasi]	Air fare [Tambang udara] (RM)	Hotel accommodation [Penginapan hotel] (RM)	Food [Makanan] (RM)
Switzerland	10,500	20,000	1,500
Sabah	4,500	5,000	5,800

8. Haziq made few investments and received the following income during year 2017 [*Haziq telah membuat beberapa pelaburan dan menerima hasil-hasil berikut sepanjang tahun 2017*]:

	RM
Interest income from deposit in Bank Simpanan Nasional [ <i>Pendapatan faedah dari deposit Bank Simpanan Nasional</i> ]	3,000
Dividend income from a unit trust fund [ <i>Pendapatan dividen dari sebuah tabung unit amanah</i> ]	1,200

9. Haziq married Puan Ina who is 48, a housewife and they have four children [*Haziq berkahwin dengan Puan Ina yang berusia 48 tahun, seorang suri rumah dan mereka mempunyai empat orang anak*]:
- Aiman, aged 25, studying in UM, disabled [*Aiman, berusia 25, sedang belajar di UM, kurang upaya*]
  - Maisarah, aged 21, part time student at UTM, married [*Maisarah, berusia 21 tahun, pelajar separuh masa di UTM, telah berkahwin*].
  - Fasha, aged 17, schooling in secondary school. [*Fasha, berusia 17 tahun, bersekolah menengah*].
  - Safiya, aged 10, suffering blood cancer, schooling in primary school. [*Safiya, berusia 10 tahun, mengidap kanser darah, bersekolah rendah*].
10. Haziq spent RM6,000 for medical treatment of his daughter, Safiya. He managed to produce the receipt [*Haziq membelanjakan RM6,000 untuk rawatan kesihatan anaknya, Safiya. Beliau mampu menunjukkan bukti resit*].
11. Haziq paid the following amount for life insurance premiums [*Haziq membayar jumlah-jumlah berikut sebagai bayaran premium insurans*]
- Life of himself RM1,200 [*Insurans nyawa dirinya RM1,200*]
  - Life of his wife RM1,200 [*Insurans nyawa isterinya RM1,200*]
12. Haziq purchase a new laptop for personal used amounting RM2,000 and books costing RM800 [*Haziq membeli sebuah komputer riba untuk kegunaan peribadi bernilai RM2,000 dan buku-buku bernilai RM800*].
13. Haziq also made zakat contribution amounting RM3,000 and donated RM2,500 cash to an approved institution [*Haziq juga membuat sumbangan zakat berjumlah RM3,000 dan menderma RM2,500 tunai kepada sebuah institusi yang diluluskan*].

**Required [Dikehendaki]:**

- a) Calculate the income tax payable by Haziq for the year of assessment 2017 [*Kirakan cukai pendapatan perlu bayar untuk Haziq bagi tahun taksiran 2017*]. [20M]
- b) List down **two** (2) qualifying criteria to claim parental care relief [*Senaraikan dua (2) syarat kelayakan untuk menuntut pelepasan penjagaan ibubapa*]. [2M]

[TOTAL [Jumlah] 22M]

**QUESTION 3 [SOALAN 3]**

Suria Sdn Bhd is involved in printing business. The company's financial year end was 31 December. The company has the following assets: [*Suria Sdn Bhd terlibat dalam perniagaan percetakan. Tahun berakhir syarikat tersebut adalah pada 31 Disember. Syarikat tersebut mempunyai asset-aset berikut:*]

1. Printing machine [*Mesin cetak*]

The printing machine was acquired in January 2015 at RM230,000. In addition, the company incurred RM10,000 transportation cost and RM5,000 installation cost for the printing machine. The machine was sold in August 2017 for RM125,000. [*Mesin cetak ini telah dibeli pada Januari 2015 pada kos RM230,000. Selain itu, syarikat tersebut telah menanggung RM10,000 kos pengangkutan dan RM5,000 kos pemasangan untuk mesin cetak tersebut*].

2. Machinery [*Mesin*]

On 15 April 2015, a machine costing RM80,000 which was originally used for private purpose, was brought into business use. The market value and net book value on the date of transfer were RM53,000 and RM49,000 respectively. [*Pada 15 April 2015, sebuah mesin bernilai RM80,000 yang pada mulanya digunakan untuk tujuan peribadi, telah dipindahkan untuk tujuan kegunaan perniagaan. Nilai pasaran dan nilai buku bersih pada tarikh pindahan adalah RM53,000 dan RM49,000 masing-masing*].

3. Computer [*Komputer*]

A new computer was purchased on 30 March 2016 at a cost of RM2,500 [*Sebuah komputer baru telah dibeli pada 30 Mac 2016 pada kos RM2,500*]

4. Car [Kereta]

On 1 August 2016, a new Honda car was acquired on hire purchase terms. The relevant information pertaining to the car as follows [*Pada 1 Ogos 2016, sebuah kereta Honda baru telah dibeli secara sewabeli. Maklumat berkaitan dengan kereta tersebut adalah seperti berikut*]:

Cash price [ <i>Harga tunai</i> ]	:	RM90,000
Down payment [ <i>Pendahuluan</i> ]	:	RM10,000
Installment payment [ <i>Bayaran ansuran</i> ]	:	RM2,500 @ 40 months [ <i>bulan</i> ]
First installment [ <i>Ansuran pertama</i> ]	:	1 September 2016

5. Van

A second hand van was acquired on 1 March 2016, at a cost of RM60,000 [*Sebuah van terpakai telah dibeli pada 1 Mac 2016, pada kos RM60,000*].

**Required [*Dikehendaki*]:**

- a) Compute the capital allowance, balancing charge and balancing allowance (if any) for all the relevant years of assessment up to 2017 [*Kirakan elaun modal, caj imbalan dan elaun imbalan (jika ada) untuk semua tahun taksiran yang berkaitan sehingga 2017*]  
[22M]
- b) State three (3) qualifying criteria to claim capital allowance [*Nyatakan tiga (3) syarat kelayakan untuk menuntut elaun modal*]  
[3M]

[TOTAL [JUMLAH] 25M]

**QUESTION 4 [SOALAN 4]**

SS Sdn Bhd operates as a manufacturer of writing instruments since 1993. For the year ended 31.12.2017, the company submitted the following profit and loss account. [SS Sdn Bhd beroperasi sebagai sebuah pengeluar alat tulis sejak 1993. Bagi tahun berakhir 31.12.2017, syarikat membuat serahan akaun untung dan rugi seperti berikut]:

	Note [Nota]	RM	RM
Sales [Jualan]			12,001,355
Less [Tolak]: Cost of sales [Kos jualan]	1		(5,401,350)
			6,600,005
Add [Tambah] : Dividend [Dividen] (gross [kasar])	2		25,000
Interest [Faedah]	3		125,000
Less [Tolak]:			
Remuneration [Ganjaran]	4	1,200,550	
Professional charges [Caj profesional]	5	299,450	
Provision for bad debts [Peruntukan hutang lapuk]	6	300,000	
Repair and maintenance [Pemulihan dan selenggaraan]	7	399,850	
Loss on sale of fixed asset [Rugi atas jualan asset tetap]	8	150,000	
Entertainment [Keraijan]	9	240,000	
Subscriptions [Langganan]	10	360,150	
Compensation [Pampasan]	11	80,500	
Other expenses [Lain-lain belanja]	12	365,500	
Depreciation [Susutnilai]		350,005	(3,746,005)
Net profit before taxation [Untung bersih sebelum cukai]			3,004,000

Notes [Nota]:

1. Cost of sales [Kos jualan]

Included in the cost of sales was provision for stock obsolescence amounting to RM120,000. [Termasuk dalam kos jualan adalah peruntukan stok lapuk berjumlah RM120,000].

2. Dividend [*Dividen*]

This refers to a Singapore dividend credited to the company's bank account in Malaysia. The dividend is exempted from Singapore income tax. [*Ini merujuk kepada dividen dari Singapura dikreditkan ke dalam akaun bank syarikat di Malaysia. Dividen ini dikecualikan daripada cukai Singapura*].

3. Interest [*Faedah*]

This represents charges on overdue trade accounts imposed by the company for delayed payments by customers. [*Ini merupakan caj lewat bayar akaun dagangan yang dikenakan oleh syarikat atas kelewatan bayaran oleh pelanggan*].

4. Remuneration [*Ganjaran*]

During the year, the manager of the overseas sales office was remunerated as follows: [*Bagi tahun tersebut, pengurus pejabat pemasaran luar negeri telah diberikan ganjaran seperti berikut*]:

	RM
Salaries [ <i>Gaji</i> ]	60,000
Entertainment allowance [ <i>Elaun keraian</i> ]	30,000
EPF contribution by the employer [ <i>Sumbangan KWSP majikan</i> ]	23,800

Two of the company's employees are disabled persons. One is a blind telephone operator and another is former salesman who had lost both his legs in an accident but now employed in the quality control department. Their monthly salaries are RM700 and RM800 respectively. [*Dua orang pekerja syarikat adalah orang kurang upaya. Seorang buta bekerja sebagai operator telefon dan seorang lagi adalah bekas jurujual yang telah kehilangan kedua-dua kakinya dalam sebuah kemalangan namun kini ditugaskan dalam jabatan kawalan kualiti. Gaji bulanan mereka adalah RM700 dan RM800 masing-masing*].

5. Professional charges [*Caj profesional*]

The followings are included in the professional charges [*Berikut adalah termasuk dalam caj profesional*]:

	RM
Legal fees for the registration of a new trademark [ <i>Yuran guaman untuk pendaftaran sebuah tanda dagang baru</i> ]	22,000
Renewal of three existing trademarks [ <i>Pembaharuan tiga tanda dagang sedia ada</i> ]	13,000
Legal fees for obtaining a new loan facility [ <i>Yuran guaman untuk mendapatkan kemudahan pinjaman baru</i> ]	16,000
Legal fees for handling income tax appeal [ <i>Yuran guaman untuk kendalian rayuan cukai pendapatan</i> ]	12,000

Accounting fees [ <i>Yuran perakaunan</i> ]	50,000
Staff recruitment charges paid to an employment agency [ <i>Caj pengambilan kerja dibayar kepada agensi pekerjaan</i> ]	15,000
Valuation of land and building [ <i>Penilaian tanah dan bangunan</i> ]	72,000

6. Provision for bad debts [*Peruntukan hutang lapuk*]

	RM
Specific provision for bad debts [ <i>Peruntukan hutang lapuk khusus</i> ]	50,000
General provision for bad debts [ <i>Peruntukan hutang lapuk am</i> ]	250,000

7. Repair and maintenance [*Pemulihan dan selenggaraan*]

Included under repairs and maintenance are the following expenses [*Termasuk di bawah pemulihan dan selenggaraan adalah belanja berikut*]:

	RM
Renovation of office [ <i>Renovasi pejabat</i> ]	25,000
Repair of factory roof [ <i>Pemulihan bumbung kilang</i> ]	2,000

8. Loss on sales of fixed asset [*Rugi atas jualan aset tetap*]

Sold a piece of land at a loss of RM150,000 [*Menjual sebidang tanah dengan kerugian pada nilai RM150,000*]

9. Entertainment [*Keraian*]

The expenses were incurred in entertaining the company's clients for sales purposes except for RM20,000 which was incurred for the annual dinner for the company's staff [*Belanja ditanggung dalam meraikan pelanggan syarikat untuk tujuan jualan kecuali RM20,000 yang ditanggung untuk jamuan tahunan pekerja syarikat*].

10. Subscriptions [*Langganan*]

This comprises the following [*Ini termasuk yang berikut*]:

	RM
Entrance fee to a golf club [ <i>Yuran kemasukan sebuah kelab golf</i> ]	300,000
Entrance fee to a trade association [ <i>Yuran kemasukan ke sebuah persatuan perniagaan</i> ]	50,000
Annual subscription to a trade association [ <i>Yuran tahunan untuk sebuah persatuan perniagaan</i> ]	2,000
Donation to the Red Crescent Society (an approved institution under Section 44(6) of the Act) [ <i>Derma kepada Persatuan Bulan Sabit Merah</i> ]	8,000

(sebuah institusi yang diluluskan bawah seksyen 44(6) Akta)	
---	--

11. Compensation [Pampasan]

This sum was paid to an important client who sued the company for late delivery of a particular consignment of goods. The matter was settled out of court upon payment of an amount of RM80,000. [Jumlah ini dibayar kepada seorang pelanggan penting yang telah menyaman syarikat atas hantaran lewat sebuah konsaimen barangan. Perkara tersebut diselesaikan di luar mahkamah sejeurus pembayaran sejumlah RM80,000].

12. Other expenses [Lain-lain belanja]

Included in other expenses are the following [Termasuk dalam lain-lain belanja adalah seperti berikut]:

	RM
Advertisement [Pengiklanan]	250,000
Scholarships to the son of the Managing Director to pursue a full-time degree course in Chemical Engineering at a local university [Basiswa anak Pengarah Urusan untuk melanjutkan pelajaran secara sepenuh masa pada peringkat ijazah dalam bidang Kejuruteraan Kimia di sebuah universiti tempatan]	50,000

13. Additional information [Maklumat tambahan]

Capital allowance for the year assessment 2017 was RM149,000. [Elaun modal untuk tahun taksiran 2017 adalah RM149,000].

**Required [Dikehendaki]:**

- Compute the chargeable income for SS Sdn Bhd for the year assessment 2017 [Kira pendapatan boleh cukai SS Sdn Bhd untuk tahun taksiran 2017]. [30M]
- Give three (3) example of entertainment which relates wholly to sales [Berikan tiga (3) contoh keraian yang berkaitan secara langsung dengan jualan]. [3M]
- What is the due date for SS Sdn Bhd to submit tax return for year assessment 2017? [Apakah tarikh akhir bagi SS Sdn Bhd untuk menyerahkan borang cukai tahun takasiran 2017?] [2M]

[TOTAL [JUMLAH] 35M]

-END OF QUESTIONS [SOALAN TAMAT]-

Appendix I [ *Lampiran I* ]  
Tax Rate [ *Kadar Cukai* ]

Chargeable Income [ <i>Pendapatan Bercukai</i> ]	RM	YA 2017	
		Tax Rate [ <i>Kadar Cukai</i> ] (%)	Income Tax Payable [ <i>Cukai Dibayar</i> ] (RM)
First [ <i>Ringgit Pertama</i> ]	2,500	0	0
Next [ <i>Ringgit seterusnya</i> ]	2,500	0	0
On [ <i>Ringgit pertama</i> ]	5,000		0
Next [ <i>Ringgit seterusnya</i> ]	15,000	1	150
On [ <i>Ringgit pertama</i> ]	20,000		150
Next [ <i>Ringgit seterusnya</i> ]	15,000	5	750
On [ <i>Ringgit pertama</i> ]	35,000		900
Next [ <i>Ringgit seterusnya</i> ]	15,000	10	1500
On [ <i>Ringgit pertama</i> ]	50,000		2,400
Next [ <i>Ringgit seterusnya</i> ]	20,000	16	3,200
On [ <i>Ringgit pertama</i> ]	70,000		5,600
Next [ <i>Ringgit seterusnya</i> ]	30,000	21	6,300
On [ <i>Ringgit pertama</i> ]	100,000		11,900
Next [ <i>Ringgit seterusnya</i> ]	150,000	24	36,000
On [ <i>Ringgit pertama</i> ]	250,000		47,900
Next [ <i>Ringgit seterusnya</i> ]	150,000	24.5	36,750

Motorcar Benefit [ *Manfaat Kereta* ]

Cost of Car When New [ <i>Kos Kereta Baru</i> ] (RM)	Annual Value of Benefit [ <i>Manfaat Setahun</i> ] (RM)	Fuel per Annum [ <i>Minyak Setahun</i> ] (RM)
Up to [ <i>Sehingga</i> ] 50,000	1,200	600
50,001 – 75,000	2,400	900
75,001 – 100,000	3,600	1,200
100,001 – 150,000	5,000	1,500
150,001 – 200,000	7,000	1,800
200,001 – 250,000	9,000	2,100
250,001 – 350,000	15,000	2,400
350,001 – 500,000	21,250	2,700
500,001 and above [ <i>dan keatas</i> ]	25,000	3,000

Furniture Benefit [Manfaat Perabut]

Category [Kategori]	Types of Benefit [Jenis Faedah]	Annual Value of Benefit [Manfaat Setahun](RM)
i.	Semi-furnished with basic furniture. [Berperabut-semi dengan perabut asas.]	840
ii.	Semi-furnished with furniture in (i) plus one or more of the following: air-conditioner, curtains and carpet.[Sebahagian berperabut dengan perabut (i) termasuk satu atau lebih yang berikut: pendingin hawa, langsir dan permaidani.]	1,680
iii.	Fully-furnished [Berperabut lengkap]	3,360

Annual allowance rate [Kadar elaun tahunan]

i.	Office equipment, furniture and fittings, others [Peralatan pejabat, perabut danengkapan, lain-lain]	10%
ii.	Plant and machinery (general) [Kilang dan mesin (am)]	14%
iii.	Heavy machinery, motor vehicles [Mesin berat, kenderaan bermotor]	20%
iv.	ICT equipment [Peralatan ICT]	80%

**Mukasurat ini sengaja dibiarkan kosong**

*[ This page is purposely left blank ]*